

Usahawan wanita perlu rebut peluang

RAMAI wanita di Malaysia semakin berani untuk merebut peluang terutama dalam bidang perniagaan mikro sehingga mampu menjana pendapatan lumayan.

Pensyarah Kanan Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia, Mohamad Noorizuddin Nooh berkata, lebih 80 peratus wanita di Malaysia menceburi bidang perniagaan, sekali gus memberi daya saing kepada lelaki.

"Tidak dinafikan, trend semasa

memperlihatkan ramai wanita semakin aktif dalam perniagaan terutama yang berasaskan pakaian Muslimah.

"Rata-ratanya tidak gentar dan berani mengubah pendirian sehingga ada antara mereka mula menempa nama di peringkat antarabangsa," katanya ketika dihubungi *Kosmo!*

Menurutnya, bagi memastikan bilangan wanita dalam

bidang perniagaan terus relevan, mereka digalakkan untuk sentiasa tampil dengan idea baharu dan tidak bergantung kepada satu produk sahaja.

Tambahnya, adalah lebih baik jika seorang usahawan itu bukan lagi menjadi penjual sebaliknya menjadi pereka atau pencipta, sekali gus dapat menjana lebih banyak keuntungan.

Dalam pada itu, beliau menggesa agar setiap individu yang



NOORIZUDDIN

ingin memulakan perniagaan perlu menghadiri pelbagai seminar atau kursus bagi mengetahui selok-belok perniagaan.

"Ilmu pengetahuan sangat penting kerana golongan peniaga berdepan dengan pelbagai cabaran atau risiko yang boleh menggugat perniagaan.

"Paling penting adalah tidak mensia-siakan peluang yang ada kerana tawaran atau ruang tersebut mampu membawa seseorang peniaga itu ke satu tahap lebih baik," ujarnya.